

NO. SOALAN : 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]

TARIKH : 15 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta PERDANA MENTERI menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan dalam memulihkan ekonomi Negara serta apakah langkah yang sedang dirangka dalam meyakinkan rakyat tentang kemampuan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi Malaysia.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam jangka pendek, Kerajaan sedang berhadapan dengan cabaran fenomena paras harga minyak mentah dunia yang rendah dan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia serta kesan dari kejadian banjir teruk di beberapa buah negeri pada akhir tahun lepas. Ini memaksa Kerajaan menyemak semula unjuran ekonomi dan mengambil beberapa langkah proaktif untuk menghadkan kesannya ke atas ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Tiga strategi telah dibentuk dan diumumkan oleh Kerajaan pada 20 Januari 2015 lalu bagi memastikan pertumbuhan ekonomi berada pada landasan yang kukuh.

Strategi pertama adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang seimbang, inklusif dan mampan yang mana beberapa tindakan telah diambil untuk merancakkan pertumbuhan eksport serta meningkatkan penggunaan dan pelaburan swasta.

Strategi kedua ialah meneruskan konsolidasi fiskal bagi memastikan kemampanan kedudukan fiskal jangka panjang dan antara langkah yang telah diambil bagi meningkatkan hasil Kerajaan adalah meluaskan asas percukaian dan merasionalisasi perbelanjaan Kerajaan.

Strategi ketiga adalah penyediaaan bantuan berjumlah RM787 juta kepada rakyat dan komuniti perniagaan serta membina semula infrastruktur yang terjejas akibat banjir pada akhir tahun 2014.

Berdasarkan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan beban perbelanjaan adalah terkawal dan meluaskan asas cukai, negara mampu mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang mampan antara 4.5 hingga 5.5 peratus serta mengekalkan kadar defisit kurang daripada 3.5 peratus dari KDNK pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu, perancangan jangka sederhana terkandung di bawah Rancangan Malaysia Keselbelas, 2016-2020 (RMKe-11), akan memberi keutamaan kepada ekonomi berteraskan rakyat dan mengukuhkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Matlamat pelbagai dimensi juga telah ditetapkan bagi mewujudkan aspirasi ke arah negara maju dan inklusif akan tercapai menjelang 2020. Sehubungan itu, Kerajaan telah menggariskan enam teras strategik bagi mencapai aspirasi tersebut iaitu:

1. Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama;
2. Meningkatkan kesejahteraan rakyat;
3. Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju;
4. Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan;
5. Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi; dan
6. Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengenal pasti enam pemacu perubahan yang merupakan pendekatan yang inovatif bagi mempercepat pembangunan Malaysia iaitu:

1. Meningkatkan potensi produktiviti;
2. Meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah;
3. Mengupayakan pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) yang diterajui industri;
4. Melaksanakan pertumbuhan hijau;
5. Menjana kekayaan melalui inovasi; dan
6. Melabur dalam bandar yang berdaya saing.

Dengan pelaksanaan strategi RMKe-11 yang berlandaskan teras strategik dan pemacu perubahan berkenaan, KDNK benar dianggarkan berkembang antara 5 peratus hingga 6 peratus setahun dalam tempoh RMKe-11 dengan pertumbuhan yang dipacu oleh sektor swasta. Dengan pertumbuhan ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita dijangka melebihi anggaran paras pendapatan minimum USD15,000 bagi mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Pendapatan purata bulanan isi rumah bagi semua kumpulan pendapatan juga disasarkan akan meningkat dalam tempoh RMKe-11.

Sekian, terima kasih.